

SIARAN MEDIA

JERAYAWARA KASIH KPWKM TINGKATKAN KESEDARAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL KEPADA MASYARAKAT

PERLIS, 29 OKTOBER – Negeri Perlis menjadi destinasi ketiga belas (13) bagi siri Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Program telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Kangar, Perlis hari ini.

Program jerayawara AGS ini diadakan di seluruh negara supaya masyarakat menjadi lebih cakna mengenai isu gangguan seksual dan tidak menormalisasikannya dalam masyarakat. Selain itu, ia menjadi platform untuk menghebahkan perkhidmatan yang disediakan KPWKM berkaitan gangguan seksual seperti kaunseling. Antara pengisian program pada kali ini ialah Taklimat Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Pengendalian Kes Kesalahan Seksual Terhadap Wanita dan Kanak-Kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Taklimat Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan pameran daripada agensi kerajaan serta jualan produk yang diusahakan oleh kumpulan sasar KPWKM.

KPWKM amat tegas dalam menangani isu gangguan seksual kerana ia boleh terjadi di mana – mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah kepada golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU). Kesan gangguan seksual tidak terhad pada mental mangsa sahaja, malah memberi impak dan kesan berpanjangan terhadap kesihatan fizikal dan moral mangsa serta orang sekeliling.

Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] telah digubal sebagai satu manifestasi penting Kerajaan bagi membendung gejala gangguan seksual dan menjaga hak asasi manusia. Penggubalan Akta ini menunjukkan bahawa kerajaan prihatin dan serius dalam menangani isu gangguan seksual bagi memartabatkan peradaban dan ketamadunan rakyat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan kehormatan semua golongan masyarakat terpelihara dan budaya menormalisasikan gangguan seksual dalam kalangan masyarakat dapat dihapuskan.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 477 kes gangguan seksual dilaporkan pada tahun 2022 diseluruh negara, dengan 7 kes daripadanya dilaporkan di negeri Perlis. Walaupun jumlah kes ini dilihat kecil tapi kesannya tidak boleh diambil ringan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa setiap individu tanpa mengira peringkat umur, bangsa dan jantina terdedah kepada risiko gangguan seksual. Di samping itu, berdasarkan laporan UNICEF Malaysia, pada tahun 2021, sekurang-kurangnya 4 peratus daripada kanak-kanak yang berumur 12 hingga 17 tahun di Malaysia yang menggunakan internet mengalami ancaman eksploitasi dan penderaan seksual yang jelas dalam talian. Ini termasuk diperas ugut untuk terlibat dalam aktiviti seksual, imej seksual mereka dikongsi tanpa kebenaran, atau dipaksa untuk melakukan aktiviti seksual melalui janji ganjaran wang atau hadiah.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YB Puan Wan Badariah Wan Saad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK) Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Pelancongan, Kebajikan dan Bantuan Bencana, Kebudayaan, Kesenian & Warisan Perlis dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWK.

##

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 OKTOBER 2023**